

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**  
**PELAKSANAAN ETIKA KERJA ISLAM: KAJIAN KES DI**  
**JOHOR CORPORATION.**

**3.0 PENGENALAN**

Sesebuah kajian yang sistematik terikat kepada kaedah dan metodologi yang tertentu. Kaedah-kaedah ini digunakan bagi memastikan hasil kajian adalah tepat dan bebas daripada pengaruh luar. Bahagian ini menyatakan secara terperinci berkaitan kaedah yang digunakan oleh penulis dalam mendapatkan dan mengumpulkan data sehinggalah proses menganalisis dan merumus hasil kajian.

**3.1 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian merupakan penentuan kaedah yang paling sesuai dalam menjalankan sesuatu penyelidikan dan merupakan satu sistem yang teratur yang dirancang oleh penulis bagi menyelesaikan masalah kajian. Kajian dapat didefinisikan sebagai “*a careful investigation or inquiry specially through search for new facts in any branch of knowledge*”.<sup>1</sup> Kaedah yang paling sesuai dalam menjalankan penyelidikan ini ialah kaedah bukan eksperimental iaitu kaedah imperatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Brew (2001) telah menyenaraikan beberapa definisi yang dirasakan bertepatan dengan maksud kajian itu sendiri, iaitu:<sup>2</sup>

- Kajian merupakan pencarian sesuatu dan menyebarkannya kepada umum.
- Kajian melengkapi cara penghasilan, pengujian dan pengesahan ilmu.

---

<sup>1</sup> A.S. Hornby, *The Advanced Learner's Dictionary of Current English* (London: Oxford University Press 1952), 1069 entri “research”.

<sup>2</sup> Angela Brew, *The Nature of Research: Inquiry in Academic Context* (London: Routledge Falmer, 2001), 17.

- Kajian merupakan suatu proses sistematik kajian, kepentingan umumnya adalah untuk menyumbang kepada himpunan ilmu yang membentuk serta memandu bidang akademik dan praktikal.
- Kajian adalah mengenai ilmu lanjutan dan pemahaman.

### **3.1.1 Kajian Kualitatif**

Kajian kualitatif merupakan sebuah kaedah yang digunakan untuk menerokai dan memahami berkaitan mengapa manusia cenderung ke arah sesuatu sikap dalam menghadapi sesuatu perkara. Kaedah ini cenderung digunakan sebagai cara untuk mengkaji sains kemanusiaan dan ada kalanya digunakan dalam bidang perniagaan untuk memahami pasaran. Creswell (2009) menyatakan penyelidikan kualitatif dengan “ *is a means for exploring and understanding the meaning individuals or groups ascribe to a social or human problem*”.<sup>3</sup> Proses penyelidikan kualitatif ini melibatkan pengajuan soalan dan prosedur, data dikumpul dengan penglibatan informan atau responden, data biasanya dianalisis secara induktif dengan melihat tingkahlaku seterusnya mengklasifikasikannya mengikut teori umum yang telah sedia ada. Perkara ini membolehkan sesuatu fenomena itu dilihat secara kolektif dan dapat memberikan gambaran sebenar dan lebih mendalam mengenai sesuatu perkara. Data-data yang didapati akan dihuraikan oleh pengkaji dengan perkataan untuk mengenal pasti apakah sebab atau punca berlakunya sesuatu tindakan.<sup>4</sup>

### **3.1.2 Kajian Kes**

Kajian kes merupakan kaedah pengumpulan data dengan pengkaji turun padang dan melihat sendiri suasana sebenar melalui pemerhatian, temu bual dan kaedah lain yang sesuai berdasarkan tempat kajian. Data-data yang diperolehi akan dikumpul dan dibentuk

---

<sup>3</sup> John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 3<sup>rd</sup> Edition. (California: SAGE Publication, 2009), 4.

<sup>4</sup> *Ibid.*

menjadi satu pernyataan sebagai hasil kajian.<sup>5</sup> Antara definisi yang diberikan oleh Schramm(1971) untuk menghuraikan kajian kes adalah seperti berikut :<sup>6</sup>

*“The essence of a case study, the central tendency among all types of case study, is that it tries to illuminate a decision or set of decisions: why they were taken, how they were implemented, and with what result”*

Kajian kes membantu penyelidik bagi mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan sesuatu perkara yang berlaku dan punca berlakunya sesuatu tindakan. Dalam kajian ini penulis cuba untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan etika kerja Islam dalam organisasi JCorp dari segi strategi, faktor, cabaran dan faedah. Maklumat yang didapati melalui kajian kes pula adalah bersifat semasa dan sesuai untuk digunakan bagi menghuraikan topik kajian iaitu tentang pelaksanaan amalan etika kerja Islam di JCorp. Kajian kes adalah berbeza daripada kajian-kajian lain dan mempunyai kaedah-kaedah tertentu dalam mendapatkan maklumat dan menganalisis data.

**Jadual 3.1 Perbezaan Strategi Kajian**

Strategi	Bentuk soalan kajian	Perlu kawalan terhadap tingkah laku	Fokus kepada kajian semasa
Eksperimen	Bagaimana, mengapa	Ya	Ya
Soal selidik	Siapa, apa, di mana, banyak mana, berapa	Tidak	Ya
Analisis arkib	Siapa, apa, di mana,	Tidak	Ya/Tidak

<sup>5</sup> Therese L. Baker, *Doing Social Research*, 3<sup>rd</sup> ed. (United States of America: Mc Grew Hill, 1999), 240.

<sup>6</sup> Robert K. Yin, *Case Study Research: Design and Method*, 3<sup>rd</sup> ed. (London: Sage Publication, 2003), 12.

	banyak mana, berapa		
Sejarah	Bagaimana, mengapa	Tidak	Tidak
Kajian kes	Bagaimana, mengapa	Tidak	Ya

Diadaptasi dari : Relevent Situation for Different Research Strategies, R.K Yin (2003).

*Case Study Research : Design and Method* hlmn 5.

Jadual 3.1 menunjukkan perbezaan strategi kajian berdasarkan bentuk-bentuk persoalan kajian, kawalan terhadap tingkah laku serta fokus kajian. Setiap strategi kajian mempunyai fokus dan kaedah yang berbeza. Berdasarkan jadual ini, kajian kes merupakan kaedah yang paling sesuai digunakan bagi menyiapkan kajian pelaksanaan amalan etika kerja Islam di JCorp. Hal ini disebabkan persoalan utama kajian dalam penyelidikan ini ialah bagi mengkaji bagaimanakah etika kerja Islam dilaksanakan di JCorp, maka strategi kajian kes adalah amat sesuai dilaksanakan.

### **3.1.3 Rasional Menggunakan Kaedah Kualitatif Dan Kajian Kes**

Penulis memilih untuk menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kajian kes adalah disebabkan oleh ianya sesuai bagi mendapatkan data mengenai kajian yang berbentuk penerokaan dan memudahkan penulis untuk membina kenyataan dan penerangan berkaitan bidang kajian. Kajian kualitatif juga mempunyai interaksi yang lebih pelbagai serta melibatkan hubungan kemanusiaan (Allan,1991).<sup>7</sup> Hubungan kemanusiaan ini membentuk pengalaman interviwee dalam pelaksanaan amalan etika kerja Islam di JCorp. Tidak semua perkara dapat dirungkai dengan menggunakan angka dan nombor sahaja tetapi ada kalanya

<sup>7</sup> Siti Arni Basir, “*Metodoogi Kajian Untuk Penyelidikan Mengenai Impak Nilai-nilai Islam Terhadap Amalan ISO 9001 Di Organisasi Awam Islam Malaysia (OAIM)*,” Kertas kerja ini dibentangkan dalam International Seminar Research Islamic Studies (ISRIS 2008). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 17-18 Disember 2008, 675-691.

melihat dan merasai sendiri pengalaman interviewee akan menghasilkan keputusan yang lebih baik. Penulis yakin kaedah ini sangat membantu dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan jujur daripada interviewee.

### **3.2 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian merupakan pelan yang dirancang oleh pengkaji dalam menyiapkan kajiannya. Ia boleh didefinisikan seperti berikut “*research design is a logical plan for getting from here to there, where here may be defined as initial set of question to be answered, and there is some set of conclusion*”.<sup>8</sup> Kaedah kajian yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini ialah penggunaan kaedah kualitatif iaitu kajian kes di JCorp. Hal ini disebabkan kajian ini tidak dapat dijelaskan secara numerikal sahaja tetapi perlu kepada penelitian yang mendalam serta pemerhatian. Kajian kes juga membantu dalam mengumpulkan maklumat yang mendalam berkaitan tingkah laku individu serta keadaan sosial dan sebab mengapa sesuatu tindakan itu berlaku. Metod yang digunakan bagi pengumpulan data ialah dokumentasi, temubual dan pemerhatian. Penganalisan data juga digunakan bagi mendapatkan maklumat dan seterusnya menganalisis data-data tersebut.

Kajian kes yang digunakan ialah kajian kes kolektif yang menggabungkan beberapa teori kajian untuk melihat apakah faktor-faktor utama yang memberikan pengaruh dalam pelaksanaan etika kerja Islam di JCorp. Kaedah kajian ini adalah berbentuk diskriptif di mana pengkaji tidak mempunyai kawalan ke atas informan dan hanya merekodkan apa yang berlaku. Kaedah ini dikenali sebagai *Ex post facto reaserch*<sup>9</sup> di mana ia bertepatan dengan konsep kajian ini yang mengkaji berkaitan faktor yang mempengaruhi sesuatu


---

<sup>8</sup> Yin, “*Case Study Research*,” 20.

<sup>9</sup> *Ex post facto* merupakan satu istilah latin yang bermaksud ‘daripada sesuatu tindakan’ (*from after the action*). Ianya banyak digunakan dalam kajian sains kemanusiaan bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan tingkah laku manusia seperti penyebab, kekerapan dan sikap manusia.

tindakan dalam organisasi.<sup>10</sup> Data yang didapati kemudiannya akan dikumpulkan untuk dianalisis.

**Rajah 3.2 Reka Bentuk Kajian**



<sup>10</sup> Thomas R. Black, *Understanding Social Science Research. 2<sup>nd</sup> Edition.* (London: SAGE Publication, 2002), 45.

### **3.3 SKOP KAJIAN**

Kajian ini akan memberikan tumpuan khusus kepada Ibu Pejabat Johor Corporation di Persada Johor, Johor Bahru. Limitasi ini penting bagi memastikan data yang dikumpul lebih tepat dan memudahkan kajian untuk dilakukan. Kajian ini turut melihat secara komprehensif etika kerja Islam yang sepatutnya diamalkan di dalam sesebuah organisasi dan mengkaji tentang kaedah serta faedah pelaksanaannya. Responden adalah terdiri daripada kumpulan profesional dan pengurusan yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran JCorp.

### **3.4 METOD PENGUMPULAN DATA**

Proses pengumpulan data ini meliputi maklumat, data dan juga fakta-fakta penting bagi tujuan kajian sebelum proses kedua dilaksanakan iaitu metod penganalisan data. Segala maklumat dan data diperoleh adalah melalui sumber yang paling primer dan sekunder iaitu buku-buku, jurnal, majalah, akhbar, kamus, kajian-kajian ilmiah, disertasi, tesis, laman web dan sebagainya yang berkaitan.<sup>11</sup> Di antara metod yang digunakan untuk mendapatkan data ialah:

#### **3.4.1 Metod Dokumentasi**

Metod ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan persoalan yang dikaji secara teliti. Dokumentasi ini tidak terhad kepada buku sahaja tetapi ianya berada dalam pelbagai bentuk seperti tulisan, percakapan, penglihatan (gambar) ataupun bahan artifak.<sup>12</sup> Kaedah ini banyak membantu bagi mendapatkan fakta-fakta yang berkenaan dengan konsep etika kerja merangkumi etika

---

<sup>11</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. (Selangor: Kamil & Syakir Sdn. Bhd. 2009), 67-68.

<sup>12</sup> Sharan B. Merriam, *Qualitative Research in Practice: Example for Discussion and Analysis*. (United States: John Wiley & Sons, Inc. 2002), 13.

kerja Barat dan Islam terutamanya yang melibatkan pentadbiran organisasi sama ada kerajaan mahupun swasta. Beberapa buah perpustakaan telah dijadikan sumber rujukan dalam usaha mendapat dan mengumpulkan maklumat. Di antara perpustakaan yang terlibat ialah:

- 1-Perpustakaan Utama, Universiti Malaya
- 2-Perpustakaan Pendeta Zaba, Universiti Malaya
- 3-Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 4- Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- 5- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 6- Perpustakaan Universiti Teknologi Mara Shah Alam.
- 7- Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- 8- Perpustakaan Negara Malaysia.
- 9- Perpustakaan Tun Raja Uda, Shah Alam.

Kaedah lain yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini antaranya laporan tahunan JCorp dengan merujuk laman web institusi ini di [www.jcorp.com.my](http://www.jcorp.com.my).

### **3.4.2 Metod Kajian Temubual**

Metod kajian tinjauan ini merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang banyak digunakan dalam bidang sains sosial disebabkan :<sup>13</sup>

3.5.2(a) Penggunaan yang menyeluruh meliputi semua perkara dan tidak terhad kepada beberapa item sahaja.

3.5.2(b) Cara pengendalian yang efektif melalui kaedah temubual dan kajian soal selidik.

3.5.2(c) Pungutan data dapat dibuat dengan lebih cepat.

---

<sup>13</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (McGraw-Hill, Malaysia, 2006), 1: 107.



Penulisan disertasi ini adalah berdasarkan metod lapangan yang menggunakan metod temu bual kerana kajian ini masih baru dan kekurangan data dari bahan rujukan di perpustakaan mengenai pelaksanaan amalan etika kerja Islam secara empirikal dalam konteks badan berkanun di Malaysia. Kaedah temubual melibatkan penyelidik bertanyakan soalan yang telah disediakan kepada interviewee di mana maklum balas direkodkan sebelum ditranskrip.<sup>14</sup> Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai isu yang dikaji. Informan yang ditemu bual ialah pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Modal Insan dan Pentadbiran di JCorp. Temu bual yang dilakukan adalah berbentuk separa berstruktur. Pengkaji akan menemu bual 7 orang pegawai di JCorp iaitu 2 orang di kalangan pegawai atasan dan 5 orang lagi di kalangan pegawai pertengahan untuk mendapatkan maklumat tentang amalan etika kerja Islam di JCorp. Pengumpulan data melalui kaedah temubual merupakan sumber utama bagi mendapatkan maklumat yang mendalam dalam kajian ini.

### **3.4.3 Metod Pemerhatian (observasi)**

Metod ini bermaksud sesuatu pengamatan yang terancang ke atas sesuatu keadaan bagi membolehkan penyelidik membuat deskripsi yang jelas terhadap keadaan tersebut.<sup>15</sup> Melalui kaedah ini, penulis boleh mendapatkan maklumat secara *firsthand* tentang sesuatu fenomena dan apa yang sebenarnya berlaku.<sup>16</sup> Metod ini juga digunakan penulis dengan membuat tinjauan secara langsung di organisasi JCorp yang menjalankan amalan pentadbiran yang berkaitan etika kerja Islam serta juga merangkumi observasi cara bekerja dan susun atur di Johor Copration. Pemerhatian yang dijalankan menggunakan kaedah

---

<sup>14</sup>Norman K. Denzin, Yvonnas S. Lincoln, *Collecting and Interpreting Qualitative Materials*, 2<sup>nd</sup> ed (California: Sage Publication, 2003), 47.

<sup>15</sup> Chua, "Kaedah Penyelidikan," 142.

<sup>16</sup> Sharan, "Qualitative Research in Practice," 13.

persempelan kuota yang menghadkan kajian kepada informan dari kalangan para pegawai dan pengurus di ibu pejabat JCorp.

Penulis akan melakukan pemerhatian secara langsung dengan hadir sendiri di ibu pejabat JCorp di Persada Johor bagi melihat sejauh mana etika kerja Islam diamalkan oleh warga kerja organisasi ini. Pemerhatian ini akan dilakukan dengan penulis hadir beberapa kali bagi merekodkan sikap warga kerja JCorp dan membantu dalam menghasilkan keputusan yang lebih tepat dan konsisten serta mengurangkan bias. Penulis merancang untuk hadir sebanyak 10 kali ke ibu pejabat JCorp di Johor Bahru bagi melihat dan merekod pelaksanaan amalan etika kerja Islam di sana.

### **3.5 METOD PENGANALISAAN DATA**

Metod ini dilakukan oleh penulis selepas metod pengumpulan data. Ini kerana maklumat yang diperolehi dari pengumpulan data akan dianalisa untuk memastikan ia benar-benar tulen dan berguna dalam kajian bagi membantu membuat kesimpulan di akhir kajian.<sup>17</sup> Di antara metod yang digunakan dalam proses penganalisaan ialah:

#### **3.5.1 Metod Analisis *Thematic***

Analisis *thematic* merupakan satu kaedah dalam menghuraikan data dan maklumat kajian yang berbentuk kualitatif.<sup>18</sup> Menurut Braun dan Clarke (2006) pula analisis *thematic* ialah mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan keadaan (tema) di dalam data. Ia mengurus dan menerangkan set data secara terperinci. Ianya turut mengkaji dengan lebih mendalam dengan menyentuh pelbagai aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian.<sup>19</sup>

---

<sup>17</sup> Idris, "Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam," 94-95.

<sup>18</sup> Richard E. Boyatzis, *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. (California: Sage Publication, 1998), 4.

<sup>19</sup> Braun, V., Clarke, V. *Using Thematic Analysis in Psychology, Qualitative Research in Psychology*, 3 (2). (University of The West England, 2006), 77.

Terdapat 6 panduan dalam menguruskan data kajian menurut kaedah ini :<sup>20</sup>

1. Biasakan diri dengan data-data kajian.
2. Membina kod-kod tertentu.
3. Cari tema-tema kajian.
4. Menilai tema-tema yang ditemui.
5. Memberi definisi dan namakan tema kajian.
6. Penyediaan laporan.

Penulis menggunakan kaedah ini dalam menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan pelaksanaan amalan etika kerja Islam di JCorp. Tema-tema ini dikaitkan antara satu sama lain bagi membentuk hasil kajian yang tepat. Pembinaan yang dilakukan adalah untuk mendapatkan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan amalan etika kerja Islam, kesan faktor-faktor tersebut dan juga cabaran yang dihadapi oleh organisasi dalam melaksanakan amalan etika kerja Islam di JCorp.

### **3.5.2 Metod Induktif**

Kaedah ini digunakan dalam menganalisa data-data yang khusus bagi mencari fakta-fakta yang bersifat umum.<sup>21</sup> Proses penganalisan dibuat berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi daripada proses temu bual dan buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang sedang dibuat. Maklumat yang dikumpul kemudiannya akan dianalisis bagi menghasilkan kesimpulan dan rumusan yang dapat menggambarkan pelaksanaan dan pengamalan etika kerja Islam di JCorp.

---

<sup>20</sup> *Ibid.*, 82.

<sup>21</sup> Imam Bernadib, *Arti dan Metod Sejarah Penyelidikan*, (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-JKIP, 1982) 52-53.

### 3.5.3 Metod Deduktif

Melalui kaedah ini, penulis cuba untuk mengaitkan teori kajian kepada data yang diperolehi. Metod ini digunakan untuk menganalisa data-data yang umum dalam membuat kesimpulan yang lebih khusus.<sup>22</sup> Metod ini digunakan dalam memberi penerangan mengenai konsep etika kerja Islam dalam pentadbiran serta pelaksanaannya oleh JCorp. Sebuah corak yang diandaikan melalui teori akan diuji dengan melihat sejauh mana personel di JCorp mengamalkan etika kerja Islam. Hasil pemerhatian ini seterusnya akan dianalisis untuk membina pernyataan yang melibatkan jumlah yang lebih ramai.

## 3.6 KEBOLEHPERCAYAAN

Setiap kajian yang dijalankan perlu menitikberatkan kebolehpercayaan (*reliability*) dan keabsahan (*validity*). Sekiranya sesuatu kajian itu tidak mempunyai kedua-dua kriteria ini, ianya tidak boleh dianggap sebagai sebuah kajian yang berautoriti. Kebolehpercayaan merujuk kepada sama ada sesebuah kajian ini boleh direka semula dan adakah ianya akan memperolehi keputusan yang sama (*consistency*). Keabsahan didefinisikan sebagai satu nilai kolerasi antara pengukuran dan nilai sebenar sesuatu variabel.<sup>23</sup> Penulis menggunakan beberapa kaedah bagi memastikan hasil kajian ini memperoleh kredibiliti yang tinggi.

### 3.6.1 Triangulasi

Kaedah triangulasi merupakan proses pengumpulan data yang pelbagai dan keputusan menunjukkan ianya bertepatan antara satu sama lain. Merriam (2002) menyatakan “*in this triangulation strategy the researcher collects data through a combination of interviews,*

---

<sup>22</sup> Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, (Selangor: Prentice Hall, 2005), 19.

<sup>23</sup> Chua, “*kaedah penyelidikan, buku 1,*”214.

*observation and document analysis*”.<sup>24</sup> Keplbagaian sumber data membantu dalam meningkatkan keabsahan kajian ini di mana hasil analisis dari setiap data yang diperolehi memberikan hasil yang sama. Kajian ini menggunakan temubual sebagai metod utama dalam mengumpulkan data berkaitan faktor yang mempengaruhi etika kerja Islam. Walau bagaimanapun penulis tetap menggabungkan pemerhatian dan analisis dokumentasi bagi memastikan maklumat yang diperolehi mempunyai keabsahan yang tinggi.

### **3.6.2 Temubual**

1. Temubual dijalankan di JCorp terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan pembuatan dasar atau peraturan dalam memastikan pencapaian organisasi berada dalam tahap optimum. Responden adalah terdiri daripada kumpulan pengurusan iaitu 2 pegawai atasan dan 5 pegawai pertengahan.
2. Soalan temubual adalah secara separa berstruktur telah disemak oleh penyelia dan diperbaiki. Soalan separa berstruktur membolehkan interviwee untuk memberikan maklumat dengan lebih telus dan mampu untuk dikembangkan berdasarkan rangka soalan yang telah dibina.
3. Penulis cuba untuk berada dalam keadaan neutral semasa informan memberikan pendapat supaya maklumat yang diberikan adalah telus.
4. Hasil temubual telah ditranskrip dan dihantar semula kepada interviwee bagi tujuan pengesahan.

### **3.6.3 Observasi**

1. Observasi dilakukan pada masa yang berlainan bagi mendapatkan gambaran pelaksanaan etika kerja Islam.

---

<sup>24</sup> Sharan, “*Qualitative Research in Practice*,” 25.

2. Pemantauan secara menyeluruh turut dilakukan di Ibu Pejabat JCorp bagi mengurangkan bias dalam kajian.

### **3.7 RUMUSAN**

Melalui metodologi yang telah dibangunkan, diharapkan kajian ini mampu untuk memberikan data, maklumat dan keputusan yang tepat berkaitan pelaksanaan amalan etika kerja Islam di JCorp. Kepelbagaian kaedah dalam mengumpul dan menganalisis data membolehkan kajian dilakukan dengan sistematik dan menyebabkan hasil kajian menjadi lebih berautoriti dan boleh dipercayai. Metodologi ini juga membantu penulis dalam memastikan hasil dapatan kajian adalah bertepatan dengan pernyataan kajian serta teori yang telah disediakan. Susunan kaedah ini turut membantu dalam memastikan pengkaji tidak tersasar daripada objektif kajian. Metodologi yang digunakan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pengkaji akan datang dalam mengkaji bidang berkaitan etika kerja Islam dan sains kemanusiaan.